

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR JEFFREY GAPARI KITINGAN  
[KENINGAU]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan:-

(a) apakan pendirian rasmi Kerajaan mengenai pandangan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa RM980 sekeluarga sebulan sebagai garis kadar miskin adalah terlalu rendah dan jumlah kemiskinan di Malaysia adalah jauh lebih tinggi daripada statistik Kerajaan; dan

(b) apakah langkah-langkah khas yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di Sabah yang merupakan negeri kadar dengan kemiskinan tertinggi dalam negara.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat ambil maklum, YAB Perdana Menteri telahpun menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan pandangan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Berhubung Kemiskinan Tegar dan Hak Asasi Manusia dalam sidang Dewan yang mulia ini pada 7 Oktober 2019 yang lalu.

2. Kerajaan sentiasa komited untuk terus membasmi kemiskinan serta merapatkan jurang di antara etnik, kelas pendapatan dan wilayah. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, (KSP RMKe-11), memberi keutamaan khusus kepada dasar inisiatif dan strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di seluruh negara. Ini dilaksanakan melalui pemberian bantuan bagi membantu isi rumah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli mereka.

3. Antara langkah khusus Kerajaan untuk memperkasa kumpulan minoriti Anak Negeri Sabah terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman adalah inisiatif meningkatkan pendidikan, kemahiran dan keusahawanan bagi menangani kemiskinan berikutan akses yang terhad kepada peluang dan kemudahan asas.

4. Sehubungan itu, selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat, beberapa inisiatif dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup Anak Negeri Sabah seperti berikut:

- I. Mempertingkat pengambilan pelajar berpotensi untuk **kemasukan ke sekolah berprestasi tinggi dan institut latihan;**
- II. **Memupuk keusahawanan** dengan memberi fokus terhadap program kemahiran keusahawanan berdasarkan bakat intrinsik kumpulan sasaran dan dilengkapi dengan bantuan seperti kemudahan pembiayaan serta pembungkusan dan pemasaran produk; dan
- III. Mempercepat **proses pemberian hak milik tanah** bagi membolehkan tanah tersebut dimanfaatkan untuk aktiviti ekonomi

5. Di samping itu, usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan khusus KSP RMKe-11 iaitu di bawah Tonggak III: Menuju ke Arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada enam negeri yang kurang membangun di dalam mengagihkan peruntukan pembangunan bagi tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 termasuklah negeri Sabah.

6. Sehubungan itu, akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan di kawasan luar bandar Sabah adalah menjadi salah satu tumpuan utama Kerajaan. Dalam hal ini, sebanyak RM654 juta telah diluluskan di bawah peruntukan RP4 (2019) untuk pembangunan luar bandar Sabah. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 35.9%, iaitu sebanyak RM173 juta daripada tahun sebelumnya (RM481 juta pada 2018). Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

7. Segala usaha ini dijangka dalam masa panjang akan dapat memastikan tiada kumpulan isi rumah serta wilayah yang ketinggalan dan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negara sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 36**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rasional dan justifikasi untuk Kerajaan menjual kepentingan Malaysia Airlines (MAS) untuk diambil alih oleh syarikat asing, bagaimanakah Kerajaan memastikan ianya kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan nasional yang menjadi kebanggaan negara dan apakah jaminan Kerajaan terhadap kepentingan kebajikan para pekerja MAS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan, menerusi Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), selaku pemegang saham tunggal Malaysia Airlines Berhad (MAB) sedar akan kepentingan serta sumbangan syarikat penerbangan kebangsaan ini kepada negara, baik dari segi penjenamaan Malaysia, manfaat ekonomi yang dibawanya menerusi perdagangan dan pelancongan, serta penyediaan pekerjaan dan peluang perniagaan kepada rakyat tempatan.
2. Sehubungan itu, Khazanah kini berkerjasama rapat dengan Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) untuk menilai semula strateginya serta pelbagai pilihan strategik yang ada padanya bagi memastikan kelangsungan jangka panjang MAB, termasuk pilihan untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat penerbangan asing.

**NO. SOALAN : 35**

3. Kerajaan komited untuk mencari penyelesaian yang terbaik untuk memulihkan kembali MAB. Dalam hal ini, jenama “Malaysia” dan juga kepentingan kebajikan warga kerjanya adalah antara pertimbangan utama dalam penyelesaian yang bakal dicadangkan bagi MAB kelak.
4. Sementara menantikan keputusan muktamad mengenai hala tuju dan perancangan bagi MAB diputuskan, syarikat penerbangan negara ini juga kini terus beroperasi seperti biasa (*business as usual*) sambil giat meningkatkan usaha untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan bagi memastikan pengalaman pelanggannya tidak terjejas dan terus dipertingkatkan, selain mengawal kerugian yang dialaminya.
5. Akhirnya, keputusan yang bakal dibuat oleh Kerajaan berkaitan masa depan MAB merupakan suatu keputusan polisi Kerajaan yang seharusnya mengambil kira kepentingan semua pihak termasuk pemegang saham, MAGB, para pekerjanya dan seterusnya rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.